

Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 47-50)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). **Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 47-50)**. *Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran*. Siri 9. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-77-5.

Abstract

Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil, Surah al-Baqarah (2: 47-50), Siri 9 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT mengingatkan bangsa Yahudi tentang pelbagai kelebihan dan keutamaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka sewaktu era Nabi Musa AS supaya mereka mengenang kembali dan cuba memenuhi janji mereka untuk beriman kepada Rasulullah SAW berdasarkan suruhan Kitab Taurat. Buku ini cuba menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 47-50) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada Nabi Musa dan Bani Israil yang menjadikan mereka umat yang tertinggi sewaktu era tersebut, iaitu mereka merupakan kaum yang terpilih; dimerdekakan daripada cengkaman dan kekejaman Firaun; diberikan mukjizat kepada Nabi Musa untuk menyelamatkan Nabi Musa AS dan mereka daripada Firaun dan bala tenteranya; diberikan bermacam pemberian dalam bentuk makanan, minuman, dan harta benda; diutuskan nabi dan Rasul yang ramai dalam kalangan mereka diturunkan kitab taurat untuk memberi panduan dalam kehidupan, serta diberikan negara dan pemerintahan. Sekiranya mereka gagal beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, mereka akan mati dalam keadaan kafir yang pada masa itu mereka tidak akan selamat untuk menerima azab pedih yang kekal abadi di akhirat. Hasil daripada perbincangan tafsiran ayat terdapat lima pengajaran utama yang dapat

diambil, iaitu keutamaan Bani Israil, kelebihan Nabi Muhamad SAW dan umatnya, ujian Allah SWT dalam bentuk kebaikan dan keburukan, dan galakan berpuasa pada hari Asyura.

References

- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Yu'la, Ahmad 'Ali. 1984. *Musnad Abi Yu'la*. Husain Salim Asad (Ed.). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-48)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 47-50)*. Jld. 1-9. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Jld. 8. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

Siri 9
Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil
Surah al-Baqarah (2: 47-50)

Kamarul Azmi Jasmi

**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

Siri 9
Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil
Surah *al-Baqarah* (2: 47-50)

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengakatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

KELEBIHAN DAN KEUTAMAAN BANI ISRAIL: SURAH *AL-BAQARAH* (2: 47-50) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 9)

ISBN 978-967-2171-77-5

1. Qur'an. Surat *al-Baqarab*--Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an--Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an--Translating.
4. Government publications--Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	3
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 47)	3
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 48)	7
Tafsiran <i>al-Baqarah</i> (2: 49-50)	17
Pengajaran Ayat	26
Kelebihan Bani Israil	26
Kelebihan Nabi Muhammad SAW dan Umatnya	27
Keadaan Umat Manusia pada Hari Akhirat	28
Ujian Allah SWT dalam Bentuk Kebaikan dan Keburukan	29
Galakan untuk Berpuasa Pada Hari Asyura	30
Rumusan	31
Rujukan	33
Indeks	35
Biodata	36

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulallah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2018

PENGENALAN

Selepas Allah SWT memberi wasiat kepada Bani Israil, iaitu yang beragama Yahudi (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018b; Jasmi, 2021b), Allah SWT sekali lagi menyebut tentang keutamaan dan kelebihan mereka berbanding umat yang lain ketika era syariat Nabi Musa AS. Namun, kelebihan itu tidak penting lagi buat mereka ketika di akhirat sekiranya mereka enggan beriman kepada Nabi Muhammad SAW dan ajaran Islam pada waktu kedatangan baginda dan selepas itu hingga ke hari kiamat (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018a; Jasmi, 2021a). Firman Allah SWT:

يَبْنَئِ إِسْرَائِيلَ أَذْكَرُوا نِعْمَتِي الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَإِنِّي فَضَّلْتُكُمْ
 عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾ وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا
 وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾
 وَإِذْ نَجَّيْنَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ
 يُدَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ
 مِنْ رَبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ
 وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksud: *Wahai Bani Israil! Kenangkanlah nikmat-Ku yang Aku kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku melebihkan (nenek-moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang (yang ada pada zamannya). (47) Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan; dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan. (48) Dan (kenangkanlah) ketika Kami selamatkan kamu dari Firaun dan orangnya, yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya; mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; sedang kejadian yang demikian itu mengandungi bala bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu. (49) Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya. (50)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48)

Perbincangan bab ini akan mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 47-48) ini dan pada bahagian akhir daripada tafsiran kedua-dua bahagian ayat ini beberapa pengajaran akan diambil daripada tafsiran ayat untuk panduan buat umat manusia khususnya kepada Bani Israil yang beragama Yahudi dan kepada umat Islam.

TAFSIRAN AYAT

Perbincangan tafsiran melihatkan dua bahagian utama, iaitu keutamaan Bani Israil yang beragama Yahudi pada perspektif al-Quran (surah *al-Baqarah*, 2: 47) dalam bahagian pertama tafsiran serta keadaan mereka ketika berada di alam akhirat (surah *al-Baqarah*, 2: 47) dalam bahagian kedua tafsiran.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 47)

Tema penting ayat surah *al-Baqarah* (2: 47) ialah Allah SWT menceritakan tentang keutamaan dan kelebihan yang diberikan oleh-Nya kepada Bani Israil ketika era syariat Nabi Musa AS. Banyak nabi diutus ketika era ini yang menggunakan syariat Nabi Musa AS sebagai cara beribadat dan beramal. Firman Allah SWT tentang kenyataan ini:

يَبْنَئِ إِسْرَائِيلَ أَذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَّلْتُكُمْ

عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾

Maksud: *Wahai Bani Israil! Kenangkanlah nikmat-Ku yang Aku kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku melebihkan (nenek-moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang (yang ada pada zamannya).* (47)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/255) dalam menjelaskan ayat ini

menyatakan bahawa Allah SWT mengingatkan kaum Bani Israil akan nikmat-Nya yang dilimpahkan kepada nenek moyang mereka yang terdahulu. Mereka juga diberikan keutamaan dengan dianugerahkan oleh Allah SWT dalam bentuk pengutusan Rasul yang banyak dalam kalangan mereka. Selain itu, mereka juga diturunkan kitab dan diberikan kedudukan sebagai umat yang tinggi berbanding dengan umat yang pada zaman tersebut. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang lain:

وَلَقَدْ أَخْتَرْنَاهُمْ عَلَىٰ عِلْمٍ عَلَىٰ الْعَالَمِينَ ﴿٣٢﴾

Maksud: *Dan demi sesungguhnya! Kami memilih mereka dengan berdasarkan pengetahuan (Kami) - menjadi lebih pangkatnya dari penduduk dunia (pada zaman itu). (32)*

(Surah *al-Dukhan*, 44: 32)

Maksud yang sama juga difirmankan oleh Allah SWT dalam ayat yang lain:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَا قَوْمِ أذكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
 إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنْبِيَاءَ وَجَعَلَكُمْ مُلُوكًا وَآتَاكُمْ مَا لَمْ يُؤْتِ
 أَحَدًا مِّنَ الْعَالَمِينَ ﴿٢٠﴾

Maksud: *Dan (ingatkanlah mereka wahai Muhammad), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Kenanglah nikmat Allah (Yang diberikan) kepada kamu ketika Ia menjadikan dalam*

kalangan kamu beberapa orang Nabi, dan Ia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Firaun dan orangnya), dan Ia memberikan kepada kamu barang yang tidak pernah diberikan kepada seseorang pun dari umat-umat (yang ada pada masa itu).” (20)

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 20)

Imam Al-Razi (1999: 3/493) menjelaskan bahawa keutamaan tersebut dalam ayat ini menurut Abu al-'Aliyah, Mujahid, al-Rabi' bin Anas, Qatadah, dan Ismail bin Abu Khalid adalah berkat daripada apa yang diberikan oleh Allah SWT kepada dalam bentuk pemerintahan dalam kerajaan, pengutusan para rasul dan penurunan kitab. Hal ini sehingga mereka berada di atas semua umat pada masa itu (Ibn Jarir, 2001: 1/629). Hal ini demikian kerana sesungguhnya setiap zaman itu mempunyai umatnya masing-masing. Makna ayat ini memang wajib ditafsirkan berdasar pengertian ini kerana tafsiran ini sangat signifikan jika dihubungkan kepada umat umat ini, iaitu umat Nabi Muhammad SAW pula pada era penurunan al-Quran. Kelebihan umat ini sebagai terbaik dan tertinggi dalam era penurunan al-Quran dan selepasnya berdasarkan firman Allah SWT berikut:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ

Maksud: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada*

Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka.

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 110)

Para ulama tafsir membawakan banyak hadis tentang kelebihan umat Muhammad SAW berbanding umat yang lain termaksud Bani Israil ketika membincangkan ayat ini. Sebagai contoh satu hadis dibentangkan oleh mereka ialah (Ahmad, 2001: 20015):

عَنْ حَكِيمِ بْنِ مُعَاوِيَةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:
"أَنْتُمْ تَوْفُونَ سَبْعِينَ أُمَّةً. أَنْتُمْ خَيْرُهَا وَأَكْرَمُهَا عَلَى اللَّهِ."

Maksud: *Hakim bin Mu'awiyah daripada bapanya menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Kamu dapat mengimbangi tujuh puluh umat, kamulah yang paling baik dan paling mulia di sisi Allah SWT."*

(Ahmad)

Menurut suatu pendapat, apa yang dimaksudkan dengan keutamaan yang dimiliki oleh umat tersebut adalah disebabkan berkat kelebihan yang dimiliki oleh mereka berbanding dengan umat manusia yang lainnya. Hal ini bermaksud, bukanlah mereka paling utama secara mutlak dalam semua segi. Menurut

Menurut Imam Al-Qurtubi (2003: 1/376), mereka diutamakan di atas umat yang lainnya kerana dalam kalangan mereka banyak nabinya. Namun pendapatnya ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/255) adalah masih perlu dipertimbangkan kerana pengertian *'alamin* bersifat umum mencakup para nabi yang sebelum dan sesudah mereka. Nabi Ibrahim yang mendapat gelaran kekasih Allah sebagai

contoh adalah daripada zaman sebelum mereka, sedangkan beliau lebih afdal daripada semua nabi mereka. Nabi Muhammad yang sesudah mereka adalah lebih utama daripada semua makhluk, beliau adalah penghulu Bani Adam di dunia dan akhirat secara mutlak.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 48)

Sesudah Allah SWT mengingatkan mereka akan nikmat-Nya yang dilimpahkan kepada mereka pada ayat pertama, kemudian hal itu diiringi dengan peringatan yang menyatakan akan kekuasaan pembalasan Allah SWT terhadap mereka kelak di hari kiamat. Untuk itu Allah SWT berfirman:

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا
شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

Maksud: *Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan; dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan. (48)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48)

Peringatan pertama dalam ayat ini terdapat dalam maksud ayat “Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat).” Kemudian disebutkan pula pada ayat seterusnya yang bermaksud, “yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab)”, iaitu tidak ada seorang pun yang dapat menolong

seseorang yang lain. Kenyataan ini sebagaimana terdapat dalam firman Allah SWT dalam ayat yang lain:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Maksud: *dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).*

(Surah *al-An'am*, 6: 164)

Begitu juga maksud yang sama terdapat dalam firman-Nya:

لِكُلِّ أَمْرٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ

Maksud: *Kerana tiap-tiap seorang dari mereka pada hari itu, ada perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya sahaja. (37)*

(Surah *Abasa*, 80: 37)

Kenyataan yang sama terdapat dalam firman Allah SWT lain:

يَأْتِيهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ وَأَخْشَوْا يَوْمًا لَا يَجْزِي وَالِدٌ عَن وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازِعٌ عَن وَالِدِهِ شَيْئًا

Maksud: *Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu, dan takutilah akan hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat melepaskan anaknya dari azab dosanya, dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing sedikit pun.*

(Surah *Luqman*, 31: 33)

Semua ayat ini menjelaskan bahawa seseorang tidak boleh menolong orang lain pada hari kiamat sehinggakan seorang ayah atau anak atau sebaliknya juga tidak dapat membantu sama sekali antara satu sama lain (Ibn al-Kathir, 1999: 1/256).

Seterusnya ayat yang bermaksud, “dan tidak diterima syafaat daripadanya (surah *al-Baqarah*, 2: 48)” ialah merujuk kepada orang kafir yang sama sekali tidak boleh mendapat syafaat dan pertolongan. Tafsiran ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang lain:

فَمَا تَنْفَعُهُمْ شَفَاعَةُ الشَّافِعِينَ ﴿٤٨﴾

Maksud: Maka tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafaat pertolongan (kalaulah ditakdirkan ada) sesiapa yang boleh memberikan syafaat itu. (48)

(Surah *al-Muddaththir*, 74: 48)

Juga terdapat dalam firman Allah SWT berikut:

فَمَا لَنَا مِنْ شَافِعِينَ ﴿١٠٠﴾ وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿١٠١﴾

Maksud: Dengan sebab itu, tiadalah kami beroleh sesiapaupun yang memberi pertolongan, (100) Dan tiadalah juga sahabat karib yang bertimbang rasa. (101)

(Surah *al-Syu'ra*, 26: 100-101)

Adapun potongan ayat yang bermaksud, “dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan (surah *al-Baqarah*, 2: 48)” membawa maksud orang kafir tidak akan diterima dari padanya suatu tebusan pun. Kenyataan ini seperti juga maksud yang terdapat pada firman Allah SWT yang lain dalam firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارٌ فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ
أَحَدِهِمْ مِّلٌّ أَلَّا تَرْضَىٰ ذَهَبًا وَلَوْ افْتَدَىٰ بِهِ ^ق

Maksud: *Sesungguhnya orang yang kafir, lalu mati sedang mereka tetap kafir, maka tidak sekali-kali akan diterima dari seseorang antara mereka: emas sepenuh bumi, walaupun ia menebus dirinya dengan (emas yang sebanyak) itu.*

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 91)

Juga apa yang sama makna dengan firman Allah SWT berikut:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ أَنَّ لَهُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا
وَمِثْلَهُ مَعَهُ لَيَفْتَدُوا بِهِ مِنْ عَذَابِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَا
تُقْبَلُ مِنْهُمْ ^ط وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ^{٣٦}

Maksud: *Sesungguhnya orang yang kafir, kalau (tiap seorang dari) mereka mempunyai segala yang ada di muka bumi atau sebanyak itu lagi bersamanya, untuk mereka menjadikannya penebus diri mereka dari azab seksa hari kiamat, nescaya tebusan itu tidak akan diterima*

dari mereka; dan mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (36)

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 36)

Ayat yang sama makna juga difirmankan oleh Allah SWT:

وَإِنْ تَعَدَّلَ كُلُّ عَدَلٍ لَّا يُؤْخَذُ مِنْهَا

Maksud: *Dan jika ia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (nescaya tebusan itu) tidak akan diterima daripadanya.*

(Surah *al-An'am*, 6: 70)

Demikian pula dalam firman Allah SWT lainnya, iaitu:

فَالْيَوْمَ لَّا يُؤْخَذُ مِنْكُمْ فِدْيَةٌ وَلَا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا

Maksud: *Oleh itu, pada hari ini tidak diterima penebus diri dari kamu, dan tidak juga dari orang kafir.*

(Surah *al-Hadid*, 57: 15)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/256) menjelaskan bahawa melalui semua ayat ini Allah SWT memberitahu kepada umat manusia yang tidak mahu beriman kepada Rasul-Nya, tidak mahu mengikut apa yang diutuskan oleh Allah SWT kepada mereka, dan mereka menemui Allah SWT di hari kiamat dalam keadaan masih tetap dalam kekafiran. Maka sesungguhnya pada ketika itu, tidak bermanfaat sama sekali bagi mereka pertolongan seorang karib pun, dan tidak diterima pula syafaat dari seseorang yang berkedudukan, serta tidak dapat diterima dari mereka suatu tebusan pun sekalipun tebusan itu berupa emas

sepenuh bumi, sepertimana yang diungkapkan oleh Allah SWT dalam ayat lainnya:

مِّن قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفْعَةٌ

Maksud: *Sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada jual-beli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 254)

Juga apa yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَوْمٌ لَا يَبِيعُ فِيهِ وَلَا خِلَلٌ ﴿٣١﴾

Maksud: *Hari yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan). (31)*

(Surah *Ibrahim*, 14: 31)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/256) menjelaskan makna *adl* (عَدْلٌ) dalam ayat surah *al-Baqarah* (2: 48) dengan memetik beberapa pendapat, iaitu:

- (1) Ibn ‘Abbas RA; Abu al-‘Aliyah; Abu Malik, al-Hasan, Sa‘id bin Jubair, Qatadah, dan al-Rabi‘ bin Anas: Makna bahasa sebagai pengganti, tetapi yang dimaksudkan dalam ayat ini sebagai tebusan.
- (2) Al-Saddi dan Abdur Rahman bin Zayd bin Aslam: Yang sepadan, maksudnya ialah seandainya dia datang dengan membawa emas sepenuh bumi untuk menebus dirinya (dari neraka), nescaya tidak dapat diterima'.

- (3) Ali RA & Umair bin Hani: Amal sunah dan amal fardu, tetapi pendapat ini gharib dalam kaitannya dengan makna ayat ini.

Pendapat pertama menurut Imam Ibn Kathir tentang tafsir ayat ini merupakan pendapat paling kuat kerana bertepatan dengan dalil daripada hadis yang mengukuhkan pendapat ini, iaitu (Ibn Jarir, 2001: 886):

عَنْ رَجُلٍ مِنْ بَنِي أُمَيَّةَ - مِنْ أَهْلِ الشَّامِ أَحْسَنَ عَلَيْهِ الثَّنَاءُ
- قَالَ: قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا الْعَدْلُ؟ قَالَ: "الْعَدْلُ الْفِدْيَةُ"

Maksud: *Seorang lelaki dalam kalangan Bani Umayyah yang tinggal di negeri Syam. Disebutkan bahawa pernah ditanyakan kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, apakah erti al-'adl itu?" Baginda SAW menjawab, "Al-'adl ertinya tebusan."*

(Ibn Jarir)

Potongan terakhir ayat yang bermaksud, "dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan (surah *al-Baqarah*, 2: 48) membawa maksud bahawa tiada seorang pun yang marah kerana demi membela mereka, kemudian ia menolong dan menyelamatkan mereka dari siksa Allah SWT; seperti yang disebutkan di atas, bahawa tiada seorang kerabat dan tiada seorang yang berkedudukan pun yang belas kasihan kepada mereka dan tidak diterima suatu tebusan pun dari mereka. Semuanya itu ditinjau dari segi belas kasihan. Dengan kata lain, tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang dapat menolong dirinya sendiri, tidak pula dalam kalangan orang luar. Pengertian ini sama dengan firman Allah SWT yang lain, iaitu:

فَمَالَهُ مِنْ فُوقٍ وَلَا نَاصِرٍ

Maksud: Maka (pada saat itu) tidak ada bagi manusia sebarang kekuatan (untuk membela diri), dan tidak ada penolong (yang dapat memberikan pertolongan). (10).

(Surah *al-Thariq*, 86: 10)

Dengan kata lain, Allah SWT tidak mahu menerima tebusan dan tidak pula syafaat yang diajukan untuk membela orang yang kafir kepada-Nya. Tiada seorang penyelamat yang dapat menyelamatkan seseorang daripada siksaan dan azab-Nya. Tiada seorang pun yang dapat menyelamatkan diri dan dapat memberi perlindungan daripada daripada siksaan dan azabnya. Hal ini sama dengan apa yang terkandung dalam firman lainnya, iaitu:

وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا يُجَارُ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٨﴾

Maksud: Serta ia dapat melindungi (segala-galanya) dan tidak ada sesuatupun yang dapat disembunyi daripada kekuasaannya?

(Surah *al-Mu'minun*, 23: 88)

Maksud ini juga terdapat firman-Nya yang lain:

فَيَوْمَئِذٍ لَا يَعْذِبُ عَذَابَهُ أَحَدٌ ﴿٢٥﴾ وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

Maksud: Maka pada hari itu tiada sesiapa pun yang dapat menyiksa seperti azab (yang ditimpakan oleh) Allah. (25) Dan tiada sesiapa pun yang dapat mengikat serta membelenggu seperti ikatan dan belenggu-Nya. (26)

(Surah *al-Fajr*, 89: 25-26)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

مَا لَكُمْ لَا تَنَاصَرُونَ ﴿٢٥﴾ بَلْ هُمْ الْيَوْمَ مُسْتَسْلِمُونَ ﴿٢٦﴾

Maksud: *Mengapa kamu tidak bertolong-tolongan (sebagaimana yang kamu dakwakan dahulu?)* (25) *(Mereka pada ketika itu tidak dapat berbuat apa-apa) bahkan mereka pada hari itu menyerah diri dengan hina (untuk diadili).* (26)

(Surah *al-Shaffat*, 37: 25-26)

Ayat pertama daripada surah *al-Shaffat* (37: 25) terdapat takwil jawapan terhadap persoalan, iaitu “mustahillah bagi kamu untuk dapat melakukan hal tersebut pada hari ini.” Selain ayat ini, terdapat juga ayat lain yang sama maknanya, iaitu:


فَلَوْلَا نَصْرُهُمُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ قُرْبَانًا إِلَىٰ هَاتِهِ ﴿٤٦﴾
بَلْ ضَلُّوا عَنْهُمْ ﴿٤٧﴾

Maksud: *Maka sepatutnya mereka dibela oleh segala yang mereka sembah yang lain dari Allah sebagai penyembahan untuk mendekatkan diri (kepada Allah)? (Tetapi tidak), bahkan segala yang mereka sembah itu hilang lenyap dari mereka.*

(Surah *al-Ahqaf*, 46: 28)

Imam Ibn Jarir (2001: 1/640) berkata sehubungan dengan takwil firman Allah SWT yang bermaksud, “dan mereka (yang bersalah itu)

tidak akan diberi sebarang pertolongan (surah *al-Baqarah*, 2: 48)” bahawa pada hari itu tiada seorang pun yang dapat menolong mereka, sebagaimana tiada seorang pun yang dapat memberikan syafaat kepadanya. Tidak dapat diterima dari mereka tebusan, tidak pula syafaat. Pada hari itu tidak berlaku lagi seseorang diselamatkan oleh seseorang yang lain kerana kasih sayang, dan tidak lagi ada unsur rasuah dan tidak juga ada unsur kronisme, serta hilang sudah sifat tolong menolong dan bantu membantu atas semangat perkauman. Hal ini demikian kerana semua hukuman akan dikembalikan kepada Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Adil yang di hadapan-Nya. Sudah tiada lagi manfaat para perantara dan para penolong. Dia memberikan balasan suatu keburukan dengan balasan yang setimpal dan membalas amal kebaikan dengan balasan yang berlipat ganda. Pengertian rumusan ini adalah bertepatan dengan apa yang difirmankan oleh Allah SWT ini:



Maksud: *Dan hentikanlah mereka (menunggu), kerana sesungguhnya mereka akan disoal, (24) “Mengapa kamu tidak bertolong-tolongan (sebagaimana yang kamu dakwakan dahulu?” (25) (Mereka pada ketika itu tidak dapat berbuat apa-apa) bahkan mereka pada hari itu menyerah diri dengan hina (untuk diadili). (26)*

(Surah *al-Saffat*, 37: 24-26)

Sekalipun di dunia orang kafir saling menolong untuk menghancurkan Islam dan agamanya, namun ketika diakhirat, mereka

sama sekali tidak lagi bertolong-tolongan antara satu lain dalam melepaskan azab antara satu sama lain.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 49-50)

Antara beberapa keutamaan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada kaum Bani Israil ialah penyelamatan mereka daripada disiksa oleh Firaun dan laut terbelah untuk mereka menyelamatkan diri daripada dikejar oleh Firaun dan bala tenteranya. Allah SWT berfirman:

وَإِذْ نَجَّيْنَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ
يُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ
مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ
وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksud: *Dan (kenangkanlah) ketika Kami selamatkan kamu dari Firaun dan orangnya, yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya; mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; sedang kejadian yang demikian itu mengandungi bala bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu. (49) Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lahui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya. (50)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 49-50)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/256) ditakwilkan seperti berikut, iaitu “Allah SWT berfirman, “Ingatlah, hai Bani Israil akan

nikmat-Ku yang Kulimpahkan kepada kamu, iaitu ketika Kami selamatkan kamu dari Firaun dan pengikutnya yang cuba mengenakan kamu dengan siksaan yang sangat berat.” Takwil ini juga bermaksud, “Aku selamatkan kamu dari mereka, dan Aku hilangkan kamu daripada kekejaman pemerintahan dan kekuasaan mereka kerana kamu mengikut kepada Nabi Musa AS. Firaun dan bala tenteranya pada masa lalu mendatangkan dan menggunakan kekuasaan serta menimpakan kepada kamu siksaan yang sangat kejam. Pada mulanya Firaun bermimpi tentang hal yang sangat mengejutkan dirinya dan membuatnya ngeri. Dia melihat api keluar dari Baitul Muqaddis, lalu api tersebut memasuki semua rumah orang Qibti (Egypt) di negeri Mesir, kecuali rumah kaum Bani Israil. Takbir mimpi tersebut menyatakan bahawa kelak kerajaan Firaun akan lenyap di tangan salah seorang lelaki dalam kalangan Bani Israil. Sesudah Firaun mendapat takbir tersebut, kemudian dilaporkan kepadanya bahawa orang Bani Israil meramalkan akan munculnya seorang lelaki dalam kalangan mereka yang kelak akan berkuasa dalam kalangan mereka dan menjauhkan nasib burus yang sedang menimpa mereka.

Maka pada saat itu juga Firaun yang terkutuk itu memerintahkan agar setiap bayi laki-laki yang baru lahir dalam kalangan Bani Israil wajib dibunuh, dan membiarkan hidup bayi perempuan. Lalu dia memerintahkan pula agar kaum lelaki orang Bani Israil ditugaskan untuk melakukan pekerjaan yang berat dan hina.

Dalam ayat ini siksaan ditafsirkan dengan penyembelihan bayi lelaki mereka, sedangkan dalam surat Ibrahim memakai ungkapan *ataf*, iaitu dalam firman-Nya:

إِذْ أَنْجَلْنَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ
وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ

Maksud: *Ia menyelamatkan kamu dari Firaun dan orangnya yang sentiasa menyiksa kamu dengan berbagai seksa yang buruk dan mereka pula menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu.*

(Surah Ibrahim, 14: 6)

Perbincangan ayat tafsir (*al-Baqarah*, 2: 49) dengan ayat ini ialah dari segi ayat ini menggunakan *waw 'ataf* berbanding ayat perbincangan tafsir tidak ada *waw 'ataf* pada kalimah (سَوَاءَ الْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ). Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/258) dalam menghuraikan perkataan *yasumunakum* (يَسُومُونَكُمْ) membawa beberapa pendapat, iaitu:

- (1) Sayyidina Abu 'Ubaydah: menguasai atau menggunakan kekuasaan dengan kekerasan kepada kamu, iaitu menimpakan kepada kamu.
- (2) Al-Qurtubi (2003: 1/384): Terus-menerus menyiksa kamu.

Ringkasnya, menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/258), sesungguhnya dalam ayat ini cuba menyatakan bahawa mereka menyembelih anak laki-laki kamu dan membiarkan hidup anak perempuan kamu (surah *al-Baqarah*, 2: 49). Tujuan ayat hanyalah sebagai tafsir dan penjelasan daripada jenis siksaan yang menimpa mereka, yang disebutkan pada kalimat sebelumnya, iaitu: *mereka menimpakan kepada kamu siksaan yang seberat-beratnya*. Semua tafsiran ayat ini juga merupakan tafsiran atau penjelasan dari firman sebelumnya, iaitu “*Ingatlah akan nikmat-Ku yang Aku anugerahkan kepada kamu* (Surah *al-Baqarah*, 2: 47).” Adapun apa yang terdapat dalam surah Ibrahim (14: 5), iaitu ketika Allah SWT berfirman:

وَذَكِّرْهُمْ بِأَيِّمِ اللَّهِ

Maksud: *Dan ingatkanlah mereka dengan Hari-hari Allah.*

(Surah Ibrahim, 14: 5)

Ayat ini bermaksud tentang pertolongan dan nikmat Allah SWT kepada mereka, maka sangat sesuai bila dikatakan dalam firman selanjutnya:

يَسُومُونَكُمُ سُوءَ الْعَذَابِ وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ

Maksud: *Ia menyelamatkan kamu dari Firaun dan orangnya yang sentiasa menyiksa kamu dengan berbagai seksa yang buruk dan mereka pula menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu.*

(Surah Ibrahim, 14: 6)

Dalam surah ini lafaz *al-Zabab* (الذَّبْح), iaitu penyembelihan di *atafkan* kepada lafaz *yasumunakum* (يَسُومُونَكُمُ) untuk menunjukkan makna jumlah nikmat dan pertolongan Allah SWT kepada kaum Bani Israil.

Firaun merupakan *isim 'alam* untuk nama panggilan bagi seorang raja kafir dari bangsa *Amaliq* dan lain-lainnya yang terdapat di negeri Mesir. Perkataan ini sama seperti perkataan *Kaisar* (فَيْصَرَ), yang juga merupakan *isim 'alam* untuk panggilan bagi setiap raja kafir yang menguasai negeri di Rom dan Syam. Manakala *Kisra* (كِسْرَى) ialah nama panggilan bagi Raja Persia. Sedangkan *Tubba'* (تُبَّع) pula ialah panggilan bagi raja kafir di negeri Yaman. Seterusnya, *Najasyi* (النَجَاشِيُّ) adalah geraldan bagi raja yang menguasai negeri Habsyah. Akhir sekali, *Batalimus* (بَطْلَيْمُوسَ) ialah nama panggilan bagi Raja India. Menurut suatu pendapat, nama Firaun yang hidup sezaman dengan Nabi Musa

AS adalah al-Walid bin Mus‘ab bin al-Rayyan. Menurut pendapat lainnya bernama Mus‘ab bin al-Rayyan, dia termasuk salah seorang keturunan dari ‘Imliq bin Dawud bin Iram bin Sam bin Nuh. Sedangkan nama kuniyyah atau panggilannya ialah Abu Murrāh. Ia berasal dari Persia, iaitu dari Istakhar. Apa pun asalnya dia, semoga laknat Allah SWT atas dirinya.

Firman Allah SWT seterusnya yang bermaksud, “sedang kejadian yang demikian itu mengandung bala bencana (Surah *al-Baqarah*, 2: 49)” menurut Imam Ibn Jarir (2001: 10/414) mempunyai makna, “bahawa apa yang Kami lakukan terhadap kamu, iaitu Kami selamatkan nenek moyang kamu dari apa yang mengongkong diri mereka akibat siksaan Firaun dan bala tenteranya. Hal ini tersebut merupakan cubaan dan cabaran yang besar bagi kamu dari Tuhan. Dengan kata lain, hal tersebut merupakan nikmat yang besar bagi kamu. Perkataan *al-Bala*’ dengan makna bahasa sebagai cubaan dalam ayat ditafsirkan dalam kalangan ulama tafsir adalah:

- (1) Ibn ‘Abbas: Nikmat.
- (2) Mujahid, Abu al-‘Aliyah, Abu Malik, dan al-Siddi: Nikmat yang besar.

Asal makna lafaz al-bala menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/259) ialah cubaan, tetapi adakalanya cubaan itu ditujukan untuk makna kebaikan sama halnya dengan keburukan. Hal ini sepertimana makna cubaan yang ditujukan kepada kedua-dua makna kebaikan dan keburukan dalam firman Allah SWT berikut:

وَنَبَلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً

Maksud: *Dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan.*

(Surah *al-Anbiya*, 21: 35)

Makna yang sama juga terdapat dalam ayat berikut:

وَبَلَوْنَهُمْ بِالْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ

Maksud: *Dan kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 168)

Imam Ibn Jarir (2001: 1/653) menyatakan, makna cubaan untuk keburukan kebanyakan dipakai kata *balautuhu* (بَلَاؤُهُ), *abluhu* (أَبْلُوهُ), *bala'* (بَلَاءٌ); sedangkan untuk kebaikan dipakai kata *ablaytuhu* (أَبْلَيْتُهُ), *abliih* (أَبْلِيهِ) *ibla'* (إِبْلَاءٌ), dan *bala'* (بَلَاءٌ).

Menurut pendapat yang lain, makna yang dimaksudkan dari firman-Nya, “sedang kejadian yang demikian itu mengandung bala bencana (surah *al-Baqarah*, 2: 49)” merupakan isyarat yang ditujukan kepada siksaan yang pernah mereka alami pada masa silam, yaitu siksaan yang hina, seperti anak lelaki mereka disembelih dan anak perempuan mereka dibiarkan hidup. Imam Al-Qurtubi (2003: 1/381) menyatakan bahawa hal ini merupakan pendapat jumhur ulama. Dikatakannya sesudah dia mengengahkan pendapat pertama tadi, selanjutnya dia menyatakan bahawa menurut jumhur ulama isyarat ini ditujukan kepada penyembelihan dan yang seumpama dengannya, sedangkan pengertian *bala'* dalam ayat ini untuk keburukan, yang artinya ialah bahawa peristiwa penyembelihan anak-anak tersebut merupakan hal yang tidak disukai dan sebagai ujian.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/259) seterusnya melanjutkan perbincangan tentang tafsiran ayat bagi firman Allah SWT seterusnya, iaitu:

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَلْجِئْنَاكُمْ وَغَرَقْنَاهُ آلَ فِرْعَوْنَ
وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksud: *Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersamanya tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya. (50)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 50)

Menurut beliau ayat ini bermaksud bahawa sesudah Kami selamatkan kamu dari Firaun dan bala tenteranya, lalu kamu berangkat bersama Musa AS dan Firaun pun berangkat pula mengejar kamu, maka Kami belahkan laut buat kamu. Kalimah *faanjainakum* (فَأَنْجَيْنَاكُمْ), iaitu Kami selamatkan kamu dari mereka dan Kami halangi antara kamu dan mereka; lalu Kami tenggelamkan mereka, sedangkan kamu sendiri menyaksikan hal tersebut, agar hati kamu lebih tenang dan lega serta lebih meyakinkan dalam menghina musuh kamu.

Amr bin Maimun al-Audi dalam menjelaskan keseluruhan ayat ini (Ssurah *al-Baqarah*, 2: 50) dengan penjelasan bahawa tatkala Nabi Musa AS berangkat bersama kaum Bani Israil, berita keberangkatannya diketahui oleh Firaun. Maka Firaun berkata, “Janganlah kamu mengejar mereka sebelum ayam berkokok (waktu pagi hari).” Akan tetapi, demi Allah, pada malam itu tiada seekor ayam jantan pun yang berkokok hingga pagi hari. Lalu Firaun memerintahkan agar didatangkan ternak kambing, lalu kambing-kambing itu disembelih. Firaun berkata, “Aku tidak akan mengambil hatinya sebelum berkumpul di hadapanku enam ratus ribu orang Qibti.” Ternyata sebelum dia mengambil hati kambing-kambing yang disembelih itu berkumpul di hadapannya enam ratus ribu orang Qibti.

Ketika Musa sampai di tepi laut, maka berkatalah kepadanya salah seorang dari sahabatnya yang dikenal dengan nama Yusha' bin Nun, "Manakah perintah Tuhanmu?" Musa berkata, "Di hadapanmu," seraya mengisyaratkan ke arah laut. Lalu Yusha' bin Nun memacu kudanya ke arah laut hingga sampai di tempat yang besar ombaknya, kemudian ombak menepikannya dan ia kembali (ke tepi), lalu bertanya lagi, "Manakah perintah Tuhanmu, hai Musa? Demi Allah, engkau tidaklah berdusta, tidak pula didustakan." Yusha' bin Nun melakukan hal tersebut sebanyak tiga kali. Kemudian Allah SWT menurunkan wahyu-Nya kepada Musa dan memerintahkan kepadanya agar memukul laut dengan tongkatnya. Musa AS memukulkan tongkatnya, ternyata laut terbelah, dan tersebutlah bahawa setiap belahan itu pemandangannya sama dengan bukit yang besar.

Kemudian Musa berjalan bersama orang yang mengikutinya, lalu Firaun dan bala tenteranya mengejar mereka melalui jalan yang ditempuh mereka. Tetapi ketika Firaun dan semua bala tenteranya masuk ke laut, maka Allah SWT menenggelamkan mereka dengan menangkap kembali laut atas diri mereka. kerana itu, disebutkan dalam firman-Nya ini (surah *al-Baqarah*, 2: 50).

Dalam satu hadis disebutkan bahawa hari berlakunya peristiwa tenggelamnya Firaun dan bala tenteranya ialah pada hari Asyura, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 2004; Muslim, t.th.: 1130):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم الْمَدِينَةَ، فَوَجَدَ
الْيَهُودَ يَصُومُونَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ فَسُئِلُوا عَنْ ذَلِكَ؟ فَقَالُوا: هَذَا
الْيَوْمُ الَّذِي أَظْهَرَ اللَّهُ فِيهِ مُوسَى، وَبَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى فِرْعَوْنَ،
فَنَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم: «نَحْنُ أَوْلَى بِمُوسَى
مِنْكُمْ فَأَمَرَ بِصَوْمِهِ.»

Maksud: *Ibn ‘Abbas berkata, “Rasulullah SAW tiba di Madinah dan beliau melihat orang Yahudi berpuasa pada hari Asyura. Maka Baginda SAW bertanya tentang perkara tersebut, “Hari apakah sekarang yang kamu melakukan puasa padanya?” Mereka menjawab, “Ini adalah hari yang baik, ini adalah hari ketika Allah SWT menyelamatkan Nabi Musa dan Bani Israil daripada Firaun, maka kami berpuasa puasa memuliakan hari tersebut.” Lalu Rasulullah SAW bersabda, “Aku lebih berhak terhadap Musa daripada kamu.” Kemudian Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat agar berpuasa.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini diperkukuhkan lagi dengan hadis yang lain, iaitu (Ibn Abi Yu‘la, 1984: 4094):

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «فُلِقَ الْبَحْرُ لِبَنِي إِسْرَائِيلَ
يَوْمَ عَاشُورَاءَ.»

Maksud: *Anas RA yang menceritakan bahawa Nabi SAW pernah bersabda: Allah SWT membelah laut bagi kaum Bani Israil pada hari Asyura.*

(Ibn Abi Yu‘la)

Sekalipun hadis Anas ini lemah, tetapi hadis ini diperkukuhkan dengan hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim bahawa berlaku peristiwa tenggelamnya Firaun dan bala tenteranya pada hari Asyura.

PENGAJARAN AYAT

Sekalipun ayat yang dibincangkan oleh Allah SWT adalah menceritakan berkaitan dengan Kaum Bani Israil yang beragama dengan agama Yahudi, namun pengajaran ayat juga boleh diambil oleh umat manusia khususnya kalangan umat Islam.

Kelebihan Bani Israil

Kaum Yahudi wajar mengambil pengajaran dan ingatan Allah SWT tentang keutamaan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada nenek moyang mereka ketika era syariat Nabi Musa AS. Ingatan ini sebagai satu ancaman jika mereka enggan untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW yang disebutkan dalam kitab mereka sebagai kewajipan untuk mengikutinya, maka azab yang menunggu sangat lebih pada hari akhirat (Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48). Pada ketika itu segala kelebihan, kekayaan, dan pengkat tidak lagi berguna atas kegagalan mematuhi perintah Allah SWT (Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48). Antara keutamaan mereka ketika itu ialah:

- (1) Mereka merupakan kaum yang terpilih (surah *al-Dukhan*, 44: 32).
- (2) Dimerdekakan daripada cengkaman dan kekejaman Firaun (surah *al-Ma'idah*, 5: 20) yang membunuh anak lelaki dan membiarkan hidup anak perempuan mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 49).
- (3) Diberikan mukjizat kepada Nabi Musa untuk menyelamatkan Nabi Musa dan mereka daripada Firaun dan bala tenteranya (surah *al-Ma'idah*, 5: 20) dengan menyaksikan sendiri menggunakan mata mereka untuk melihat Allah SWT membelah lautan agar

dapat dilalui oleh mereka dan menenggelamkan Firaun dan bala tenteranya dalam lautan yang sama (surah *al-Baqarah*, 2: 50).

- (4) Diberikan bermacam pemberian dalam bentuk makanan, minuman, dan harta benda (surah *al-Ma'idah*, 5: 20)
- (5) Diutuskan nabi dan Rasul yang ramai dalam kalangan mereka (Ibn al-Kathir, 1999: 1/255; surah *al-Ma'idah*, 5: 20; Al-Razi, 1999: 3/493; Al-Qurtubi, 2003: 1/376)
- (6) Diturunkan kitab taurat untuk memberi panduan dalam kehidupan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/255; Al-Razi, 1999: 3/493)
- (7) Diberikan negara dan pemerintahan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/255 ; surah *al-Ma'idah*, 5: 20; Al-Razi, 1999: 3/493).

Dengan nikmat yang sebegini banyak yang tidak pernah diberikan kepada umat selain mereka, maka terbukti mereka pada masa itu merupakan umat yang dimuliakan.

Kelebihan Nabi Muhammad SAW dan Umatnya

Umat Islam wajar mengetahui, menghayati, dan mensyukuri terhadap segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT dengan tetap istiqamah dalam keimanan, memegang amanah amar makruf dan nahi mungkar. Perkara ini yang menjadikan mereka lebih mulia berbanding semua umat yang lain sebelum ini (surah *Ali 'Imran*, 3: 110; Ahmad, 2001: 20015). Kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT bukan sahaja ketika di dunia, tetapi juga ketika di Padang Mahsyar (Ahmad, 2001: 20015). Selepas Nabi Muhammad SAW dan umatnya, Nabi Ibrahim adalah dianggap antara Nabi dan umat yang lebih mulia daripada yang lainnya. Sedangkan umat Bani Israil pula adalah terbaik ketika era Nabi Musa AS berbanding dengan umat lain pada masa tersebut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/255). Keutamaan umat ini tidak lain perlu disyukuri dengan bersungguh-sungguh untuk mematuhi perintah Allah SWT dan mengikuti arahannya (Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48).

Keadaan Umat Manusia pada Hari Akhirat

Umat manusia perlu mengetahui, memahami, dan menghayati, serta menanamkan rasa takwa terhadap amalan dan menjauhi larangan Allah SWT, dan takut dengan azab-Nya ketika hari pembalasan (surah *Luqman*, 31: 33). Hal ini kerana, jika seseorang mati dalam kekafiran (surah *Ali 'Imran*, 3: 91) maka perkara ini akan berlaku kepada mereka:

(1) Ketika di mahkamah Allah SWT

- (a) Mereka diadili dengan keadaan yang sangat tertunduk hina dan mengakui segala kesalahan kekufuran yang dilakukan (surah *al-Shaffat*, 37: 25-26).
- (b) Mereka tidak ada pembela yang boleh membela mereka (surah *al-Thariq*, 86: 10).
- (c) Mereka tidak ada sebarang sebarang harta yang boleh menebus dosa kekafiran (surah *al-An'am*, 6: 70; surah *al-Hadid*, 57: 15) sekalipun jika harta mereka ada harta dua kali besar bumi (surah *al-Ma'idah*, 5: 36), atau seseorang memiliki emas sepenuh bumi (surah *Ali 'Imran*, 3: 91), atau apa-apa sahaja jenis tebusan (surah *al-An'am*, 6: 70), maka tidak sama sekali akan diterima penebusan tersebut jika mereka ingin menebus (surah *al-Ma'idah*, 5: 36).
- (d) Mereka tidak boleh memberikan dosa kekafirannya untuk orang lain tanggung (surah *al-An'am*, 6: 164; surah *al-Baqarah*, 2: 254) sekalipun anak atau bapa.
- (e) Mereka boleh menebus dirinya dengan sesuatu yang lain untuk menerima dosa, azab (Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48; surah *Ali 'Imran*, 3: 91; surah *al-An'am*, 6: 70; surah *al-Hadid*, 57: 15).
- (f) Mereka tidak boleh mendapat sebarang pertolongan (Surah *al-Baqarah*, 2: 47-48) sekalipun daripada ibu bapa atau daripada anak mereka sendiri (surah *Luqman*, 31: 33; Ibn al-Kathir,

1999: 1/256) atau sahabat handai (surah *al-Syu'ra'*, 26: 100-101; surah *al-Baqarah*, 2: 254; surah *Ibrahim*, 14: 31).

- (g) Tidak ada orang yang boleh memberi syafaat bagi melepaskan daripada dicampakkan ke dalam api neraka (surah *al-Ma'idah*, 5: 36).

(2) Ketika di dalam neraka pula:

- (a) Mereka akan diseksa dengan azab yang sangat pedih (surah *al-Ma'idah*, 5: 36) yang tidak terfikir dan pernah dilihat serta mereka akan di belenggu dengan belenggu yang khusus dalam neraka (surah *al-Fajr*, 89: 25-26).
- (b) Orang yang diseksa tersebut tidak lagi boleh mendapat syafaat (surah *al-Baqarah*, 2: 47-48; surah *al-Baqarah*, 2: 254; surah *al-Muddaththir*, 74: 48; surah *al-Syu'ra'*, 26: 100-101) untuk dilepaskan kembali daripada keluar neraka atau dikurangkan azab oleh orang lain (surah *al-Baqarah*, 2: 47-48; surah *Ali 'Imran*, 3: 91; surah *al-An'am*, 6: 70; surah *al-Hadid*, 57: 15)

Oleh itu, tidak berbaloi untuk kaum Yahudi dan umat manusia untuk tidak beriman kepada Allah SWT, Nabi Muhammad SAW, dan ajaran Islam dengan menjadi kafir untuk mendapat sedikit kesenangan di dunia. Manaka bagi orang Islam pula, tidak berbaloi sama sekali untuk mereka murtad keluar daripada Islam hanya kerana untuk mendapat kesenangan dunia dengan menjadi kufur.

Ujian Allah SWT dalam Bentuk Kebaikan dan Keburukan

Dunia adalah tempat ujian kepada semua umat manusia. Ujian yang diberikan ada yang dalam bentuk nikmat dan ada yang dalam bentuk azab (surah *al-Anbiya*, 21: 35; surah *al-A'raf*, 7: 168). Oleh itu, umat manusia perlu berhati-hati dengan ujian yang mereka terima. Hal ini kerana, manusia mudah sedar untuk kembali kepada Allah SWT

ketika ditimpa malapetaka, tetapi manusia jarang dapat kembali kepadanya ketika mereka sedang diuji dalam kesenangan dan kebaikan.

Galakan untuk Berpuasa Pada Hari Asyura

Umat Islam digalakkan untuk berpuasa pada hari Asyura kerana membesarkan hari diselamatkan Nabi Musa dan pengikutnya daripada kekejaman Firman dan bala tenteranya (Ibn Abi Yu'la, 1984: 4094). Puasa ini disyariatkan sebaik sahaja nabi SAW berhijrah ke Madinah. Kesunatan berpuasa ini kerana Nabi Musa juga merupakan Nabi yang wajib diimani pernah diutuskan oleh Allah SWT membawa syariat kepada kaum Bani Israil (Al-Bukhari, 2001: 2004; Muslim, t.th.: 1130).

RUMUSAN

Buku ini berjaya mengupas tentang tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 47-50) dan menghasilkan lima pengajaran ayat yang utama. Semoga dengan perkongsian ini dapat memberikan input kepada umat manusia khususnya umat Islam agar mereka menjadi umat yang benar-benar menjalankan amanah agar menjadi umat yang sentiasa mulia dan terkehadapan berbanding umat yang lainya.

RUJUKAN

- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Yu'la, Ahmad 'Ali. 1984. *Musnad Abi Yu'la*. Husain Salim Asad (Ed.). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-48)*. Kertas Kerja

- dalam Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 47-50)*. Jld. 1-9. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Jld. 8. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- ‘Abasa*, 8
 akhirat, 1, 2, 3, 7, 8, 26
al-A‘raf, 22, 29
al-Ahqaf, 15
al-An‘am, 8, 11, 28, 29
al-Anbiya, 21, 29
al-Baqarah, ii, iii, 2, 3, 7, 9,
 10, 12, 13, 16, 17, 19, 21,
 22, 23, 24, 26, 27, 28, 29,
 31, 33, 34
al-Dukhan, 4, 26
al-Fajr, 15, 29
al-Hadid, 11, 28, 29
Ali ‘Imran, 6, 10, 27, 28, 29
 Allah SWT, iii, v, vi, 1, 3, 4,
 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13,
 14, 15, 17, 19, 20, 21, 22,
 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30,
 34
al-Ma‘idah, 5, 11, 26, 27, 28,
 29
al-Mu‘minun, 14
al-Muddaththir, 9, 29
 al-Quran, i, v, 3, 5, 33, 34
al-Saffat, 16
al-Shaffat, 15, 28
al-Syu‘ra’, 9, 29
al-Thariq, 14, 28
 Anas RA, 25
 Bani Israil, i, iii, 1, 2, 3, 4, 6,
 17, 18, 20, 23, 25, 26, 27,
 30, 33, 34
 hadis, vi, 6, 13, 24, 25
 Hakim bin Mu‘awiyah, 6
 hari kiamat, 1, 7, 9, 10, 11
 Ibn ‘Abbas, 12, 21, 25
Ibrahim, 6, 12, 18, 19, 20, 27,
 29
 Islam, ii, vi, 1, 2, 16, 26, 27,
 29, 30, 31, 36
Luqman, 9, 28
 Muhammad, iii, 4, 5, 6, 7, 26,
 27, 29, 33
 nabi, 3, 6, 27, 30
 Nabi Muhamad SAW, 1
 Nabi Musa, 1, 3, 4, 18, 20, 23,
 25, 26, 27, 30
 Nabi Musa AS, 1, 3, 18, 21,
 23, 26, 27
 Rasul, 4, 11, 27
 Yahudi, 1, 2, 3, 6, 25, 26, 29

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran Siri 9

Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 47-50)

Kelebihan dan Keutamaan Bani Israil, Surah al-Baqarah (2: 47-50), Siri 9 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT mengingatkan bangsa Yahudi tentang pelbagai kelebihan dan keutamaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka sewaktu era Nabi Musa AS supaya mereka mengengang kembali dan cuba memenuhi janji mereka untuk beriman kepada Rasulullah SAW berdasarkan suruhan Kitab Taurat. Buku ini cuba menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 47-50) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada Nabi Musa dan Bani Israil yang menjadikan mereka umat yang tertinggi sewaktu era tersebut, iaitu mereka merupakan kaum yang terpilih; dimerdekakan daripada cengkaman dan kekejaman Firaun; diberikan mukjizat kepada Nabi Musa untuk menyelamatkan Nabi Musa AS dan mereka daripada Firaun dan bala tenteranya; diberikan bermacam pemberian dalam bentuk makanan, minuman, dan harta benda; diutuskan nabi dan Rasul yang ramai dalam kalangan mereka diturunkan kitab taurat untuk memberi panduan dalam kehidupan, serta diberikan negara dan pemerintahan. Sekiranya mereka gagal beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, mereka akan mati dalam keadaan kafir yang pada masa itu mereka tidak akan selamat untuk menerima azab pedih yang kekal abadi di akhirat. Hasil daripada perbincangan tafsiran ayat terdapat lima pengajaran utama yang dapat diambil, iaitu keutamaan Bani Israil, kelebihan Nabi Muhamad SAW dan umatnya, ujian Allah SWT dalam bentuk kebaikan dan keburukan, dan galakan berpuasa pada hari Asyura.



ISBN 978-967-2171-78-2

